



## **GARIS PANDUAN PAMPASAN KERANA KELEWATAN MEMPROSES BAYARAN BALIK LEBIHAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN**

---

### **1. PENGENALAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berkenaan bayaran pampasan sebanyak 2% yang dibayar kepada pembayar cukai yang layak kerana kelewatan memproses bayaran balik lebihan cukai pendapatan pembayar cukai.
- 1.2 Mulai Tahun Taksiran 2013, kelewatan membuat bayaran balik lebihan cukai pendapatan iaitu selepas tempoh 90 hari bagi Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara elektronik (*e-Filing*) dan 120 hari secara pos atau serahan di kaunter (borang kertas) adalah tertakluk kepada bayaran pampasan seperti peruntukan di bawah seksyen 111D Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

### **2. PEMBAYAR CUKAI YANG LAYAK DIBAYAR PAMPASAN.**

- 2.1 BNCP dikemukakan dalam tempoh seperti berikut:
  - a) BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian;
  - b) BNCP dikemukakan sebelum atau pada 30 Jun bagi individu yang menjalankan perniagaan;

- c) BNCP dikemukakan dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh perakaunan berakhir bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi;
  - d) Tambahan masa yang dibenarkan oleh KPHDN di bawah Program Pemfailan Borang Nyata mengikut tahun.
- 2.2 Bayaran balik lebihan cukai yang layak bagi tujuan pampasan adalah merujuk kepada lebihan cukai yang telah dibayar di bawah seksyen-seksyen berikut:
- a) Seksyen 107 ACP (Potongan Cukai Bulanan - PCB);
  - b) Seksyen 107B ACP (Notis Bayaran Ansuran – CP500);
  - c) Seksyen 107C ACP (anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi – CP204/CP205).
- 2.3 BNCP yang dikemukakan adalah betul dan lengkap.

### **3.0 PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR PAMPASAN**

- 3.1 BNCP dikemukakan pada tempoh-tempoh berikut:
- a) BNCP dikemukakan selepas 30 April bagi individu yang berpendapatan penggajian; atau
  - b) BNCP dikemukakan selepas 30 Jun atau bagi individu yang menjalankan perniagaan; atau

- c) BNCP dikemukakan selepas tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh perakaunan berakhir bagi kes syarikat / perkongsian liabiliti terhad / badan amanah / koperasi.
- 3.2 Kredit di bawah seksyen 110 ACP.
- 3.3 Taksiran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3), seksyen 91, 91A, 92 dan 96A ACP.
- 3.4 Pembayar cukai yang memohon lanjutan masa pengemukaan BNCP selain yang dibenarkan oleh KPHDN.
- 3.5 Pembayar cukai membuat rayuan terhadap taksiran di bawah seksyen 99 ACP.
- 3.6 Terdapat penemuan susulan audit yang menyebabkan wujudnya cukai atau cukai tambahan dalam tempoh 90 / 120 hari dari tarikh akhir pengemukaan BNCP.
- 3.7 Lebihan bayaran yang wujud bukan terbit dari bayaran berdasarkan jadual ansuran cukai seksyen 107, 107B dan 107C ACP.

### Contoh 1

Tahun Taksiran	2019
Cukai Kena Bayar	RM1,500,000
Anggaran CP204	RM2,000,000
Bayaran yang diterima	RM2,100,000
Kredit boleh dibayar balik	RM600,000
Amaun bayaran balik	RM550,000
Amaun yang layak pampasan (Anggaran CP204 – Cukai Kena Bayar)	RM500,000



#### 4. PENGIRAAN AMAUN PAMPASAN

- 4.1 Amaun pampasan adalah dikira berdasarkan kepada asas harian mulai daripada hari pertama selepas 90 /120 hari dari tempoh yang dinyatakan di perenggan 2.1.
- 4.2 Pengiraan pampasan sebanyak 2% akan dibayar mengikut kaedah seperti berikut:

$$A \times \frac{B}{C} \times 2\%$$

Di mana,

- A : Amaun bayaran balik di bawah seksyen 111 ACP bagi sesuatu tahun taksiran
- B : Bilangan hari bermula daripada hari pertama selepas tamat tempoh 90 / 120 hari dari tarikh akhir BNCP perlu dikemukakan sehingga bayaran balik diluluskan
- C : Bilangan hari dalam setahun (365 / 366 hari)

#### Contoh 2

Tahun Taksiran	2019
Kaedah pengemukaan BNCP (Borang BE)	e-Filing
Tarikh pengemukaan BNCP	28.04.2020
Tarikh akhir pengemukaan BNCP	30.04.2020
Tempoh bayaran balik tanpa pampasan	01.05.2020 - 29.07.2020
Amaun kredit boleh dibayar balik	RM40,000.00
Tarikh kelulusan bayaran balik	01.09.2020
Tempoh kiraan hari pampasan	30.07.2020 - 01.09.2020
Bilangan hari layak pampasan	34 hari
Amaun Pampasan bagi bayaran balik	RM40,000.00 x (34/366)
A $\times$ $\frac{B}{C} \times 2\%$	x 2% = RM74.32

**Contoh 3**

Tahun Taksiran	2019
Kaedah pengemukaan BNCP (Borang BE)	e-Filing
Tarikh pengemukaan BNCP	14.05.2020
Tarikh akhir Program Pemfailan BNCP	15.05.2020
Tempoh bayaran balik tanpa pampasan	16.05.2020 - 13.08.2020
Amaun kredit boleh dibayar balik	RM45,000
Tarikh kelulusan bayaran balik	01.09.2020
Tempoh kiraan hari pampasan	14.08.2020 – 01.09.2020
Bilangan hari layak pampasan	19 hari
Amaun Pampasan bagi bayaran balik	RM45,000 x (19/366) x 2%
$A \times \frac{B}{C} \times 2\% \\ = RM46.72$	= RM46.72

**5. PEMUNGUTAN SEMULA AMAUN PAMPASAN DAN KENAIKAN 10% KE ATAS BAYARAN PAMPASAN**

- 5.1 Sekiranya terdapat kesilapan dalam pembayaran pampasan, KPHDN berhak untuk memungut semula bayaran pampasan yang telah dibayar tanpa kenaikan 10%.
- 5.2 Jika kesilapan pembayaran pampasan disebabkan maklumat yang tidak tepat / pelaporan BNCP yang tidak tepat oleh pembayar cukai, KPHDN berhak untuk mendapatkan kembali amaun pampasan yang telah dibayar bersama kenaikan cukai sebanyak 10% ke atas amaun bayaran pampasan yang sepatutnya tidak dibayar.
- 5.3 Surat pemberitahuan tuntutan pampasan bayaran balik serta kenaikan 10% di bawah perenggan 111D(3)(b) ACP 1967 diposkan kepada pembayar cukai.



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

### **Garis Panduan Pampasan Kerana Kelewatan Memproses Bayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan**

- 5.4 Sekiranya pembayar cukai gagal mengembalikan keseluruhan pampasan yang telah dibayar termasuk kenaikan 10%, tindakan guaman sivil boleh diambil ke atas pembayar cukai.

## **6. PENAFIAN**

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**2 / Mei 2021**